

# Al-Qur'ān Al-Karīm dan Perkembangan Ilmu Tafsir

## Tafsir Al-Qur'ān

Alim ulama ahli tafsir al-Qur'ān pada zaman dahulu dalam mentafsir dan menterjemahkan al-Qur'ān sangat-sangat bercermat kerana mereka takut kalau-kalau termasuk tafsir yang salah. Biasanya mereka menjelaskan dengan panjang lebar dan menyebut sekali nama orang-orang yang meriwayatkan tafsir satu-satu iaitu dari zaman sahabat hingga kepada zaman mereka. Tetapi zaman sesudah zaman mereka banyakkah dari antara ahli-ahli tafsir mentafsirkan al-Qur'ān dengan tidak menerangkan riwayat-riwayat tafsir dan nama orang-orang yang meriwayatkannya. Mereka hanya menurunkannya dari kitab-kitab tafsir yang terdahulu dan ada pula yang menurunkan patinya sahaja. Maksud mereka itu hendak memudahkan orang mempelajari tafsir al-Qur'ān. Di antara ahli-ahli tafsir yang telah menyusun kitab-kitab tafsir dan telah masyhur kitab-kitabnya itu ialah:

1. Imam al-Wāhidī, kitab tafsirnya bernama "*Al-Basīṭ*" dalam tafsir ini ia hanya menjelaskan dengan panjang lebar akan *i'rab* al-Qur'ān menurut kaedah nahu dan sebagainya. Maksudnya hendak menerangkan betapa elokny susunan kalimah-kalimah al-Qur'ān itu.

2. Imam al-Zamahsharī, kitab tafsirnya bernama "*Al-Kashāf*." Dalam tafsir ini ia hanya menerangkan dengan lanjut akan kehalusan dan keindahan bahasa dalam ayat-ayat al-Qur'ān menurut kaedah ilmu-ilmu persuratan Arab.

3. Imam al-Qurtubī, kitab tafsirnya bernama "*Jāmi' Ahkām al-Qur'ān*." Tafsirnya ini disusun dengan tujuan hendak menerangkan segala perkara yang berkait dengan hukum fekah. Dengan tertib ia menerangkan soal fekah dari bab bersuci sampai kepada bab orang-orang perempuan dari golongan hamba yang dikahwini oleh tuannya sehingga beranak.

4. Imam al-Rāzī, kitab tafsirnya bernama "*Mafāṭih al-Ghaṭb*." Dalam tafsirnya ini ia membahas dengan mengupas soal-soal ilmu tauhid sambil membantah golongan-golongan yang sesat.

5. Imam Ibn al-Arabī, kitab tafsirnya bernama "*Ahkām Li al-Qur'ān*." Dalam tafsirnya ini ia hanya mengumpulkan ayat-ayat yang berkenaan dengan hukum-hukum sahaja, kemudian dikupas dan dipecahkan hukumnya sehingga menjadi beberapa masalah.

6. Imam al-Baghawī, kitab tafsirnya bernama "*Mu'ālīm Al-Tanzīl*." Di dalam tafsirnya ini ia menerangkan tafsir sesuatu ayat dengan bersandarkan hadis Nabi (S.A.W) atau *āthar* dari sahabat dan *tābi'īn*. Demikian juga yang dilakukan oleh Imam Ibn Kathīr di dalam kitab tafsirnya.

7. Imam al-Tha'labī, kitab tafsirnya bernama "*'Ara'is al-Majālis*." Dalam tafsirnya ini ia menyelitikan cerita-cerita dongeng dan riwayat-riwayat yang bukan berpunca dari Islam.

(7 buah kitab tafsir yang tersebut di atas hanya sebagai contoh bagi 7 jenis tafsir, iaitu masing-masing mengupas *mauḍu'* yang tertentu. Selain daripada itu masih banyak lagi tafsir-tafsir yang masyhur dan berharga di antaranya kitab tafsir "*Jāmi' al-Bayān*" yang disusun oleh Imam al-Mufasssīrīn Ibn Jarīr al-Ṭabarī – P).

Tafsir al-Qur'ān ialah satu ilmu pengetahuan yang istimewa di dalam Islam. Umum umat Islam telah sedia mengetahui bahawa al-Qur'ān diturunkan oleh Allah *azza wa jalla* menjadi pertunjuk<sup>1</sup> dan pedoman hidup, pemisah dan pembeza di antara yang benar dengan yang salah. Al-Qur'ān bukan sahaja dikehendaki dibaca oleh umat Islam tetapi juga diketahui isi dan maksudnya, baik melalui bahasa asalnya, bahasa Arab, ataupun dengan jalan terjemahan dan tafsir. Terutama sekali perintahnya hendaklah diturut dan segala larangannya hendaklah ditinggalkan.

Semenjak zaman berzaman telah timbul ahli-ahli tafsir dan ilmu tafsir itu telah berkembang dipelajari turun temurun.

Adapun tafsir al-Qur'ān yang wajib kita tuntut ialah keterangan atau penjelasan mengenai makna ayat-ayatnya iaitu yang menjadi pedoman agama yang memimpin manusia kepada segala perkara yang mendatangkan kebahagiaan mereka di dunia dan di akhirat. Inilah tujuan al-Qur'ān yang amat tinggi dan mulia, dan selain daripada itu segala perkara yang diperbincangkan di dalamnya adalah menjadi perantaraan bagi mencapai tujuan yang tinggi dan mulia itu.

### Ilmu Tafsir

Ahli-ahli tafsir pula mestilah mempunyai syarat-syarat yang tertentu. Mereka sudah tentu mengetahui beberapa jenis ilmu pengetahuan agama dan alat-alatnya seperti ilmu-ilmu *ṣaraf*, *nahu*, *ma'āni*, *badī'*, *bayān*, *mantiq*, *qirāat* dan lain-lainnya

yang bersangkutan dengan bahasa Arab, selain daripada mengetahui ilmu-ilmu *uṣūl al-dīn*, *uṣul fiqh*, *hadīth* dan *muṣtalahnya* dan juga "*asbāb al-nuzūl*" (sebab sesuatu ayat itu diturunkan dan peristiwa yang bersangkutan dengannya.)

Alim ulama Islam zaman dahulu semenjak kurun Hijrah yang kedua, telah pun menyusun dan mengatur cara bagaimana orang dapat mentafsirkan al-Qur'ān dengan sebaik-baiknya. Dari antara mereka ialah al-Imam al-Shafi'ī *radī Allāhu 'anhu*. Ia telah merencanakan sebuah kitab yang isinya menerangkan cara-cara mentafsirkan kandungan kitab Allāh. Semenjak itu alim ulama menyusun kitab-kitab yang demikian *mauḍuknya*.

\* \* \*

Hampir siap!

Serial wanita 2

### Bagaimana Bersuci?

Buku ini disusun mengenai hukum-hukum bersuci bagi wanita. Dibuat serba ringkas dan mudah faham.

Berguna untuk tiap-tiap rumah untuk mengajar anak-anak perempuan hukum bersuci. Disusun oleh Umm Muhsin.

Senaskhah 40 sen post 10 sen.

<sup>1</sup> petunjuk

Dalam pertengahan kurun yang kesembilan, al-Imam al-Baqīnī menyusun sebuah kitab yang lengkap mengenai ilmu mentafsirkan al-Qur’ān. Di dalamnya dijelaskan sebanyak 50 jenis ilmu yang mengenai *mauḍūk* tersebut. Selain daripada itu, al-Imam al-Suyūṭī pula telah ditambahya penjelasan itu – di dalam kitabnya “*al-Itqān fi ‘Ulūm al-Qur’ān*” – sehingga menjadi 80 jenis.

Mengetahui hadis-hadis dan *muṣṭalah*nya amatlah pentingnya bagi seseorang ahli tafsir. Demikian juga halnya mengetahui *asbāb al-nuzūl*. Ibn Daqīq al-‘Id berkata, bahawa mengetahui sebab turunnya sesuatu ayat adalah satu cara yang kuat kukuh bagi memahami ertinya al-Qur’ān. Demikian juga yang diterangkan oleh Ibn Taimiyyah.



Encik Sardon bin Haji Zubir waktu baharu sampai di New Delhi kerana menghadiri Persidangan Pemuda Sedunia, ditemui oleh Vicky Krishna Menon, Menteri Pertahanan India.

Di antara alim ulama yang telah menyusun kitab mengenai “*asbāb al-nuzūl*” ialah al-Imam al-Suyūṭī. Kitabnya itu bernama *Lubāb al-Nuqūl*’.

#### **Pelajari Isi al-Qur’ān**

Di dalam kitab suci al-Qur’ān terkandung ajaran-ajaran yang menghendaki umat Islam mempelajari bersungguh-sungguh akan isi al-Qur’ān:

“Apa, tidakkah mereka memikirkan (memahami isi) al-Qur’ān?.....”

-Maksud ayat 82, surah An-Nisā’.

“Tidakkah mereka memikirkan al-Quran, adakah hati mereka tertutup?.....” – Maksud ayat 24, Surah Muhammad.

Siapakah di antara sahabat Ansar yang utama?

Jawabnya ialah:

#### **Sa’ād bin Mu’adh**

Bangsawan Qabilah Aus yang utama yang banyak jasanya kepada Islam. Perjuangannya, hidupnya dan matinya semata-mata kerana Allāh.

“Kematian Sa’ād bin Mu’adh adalah satu kehilangan yang sangat besar bagi kaum muslimin” – Kata *Umm al-Mu’minīn* ‘Ai’shah.

Perjuangannya? Baca sejarahnya dalam buku ini.

Sejarah syuhada Islam 5.

Senaskhah hanya 50 sen post  
10 sen.